

PLKN perlu perubahan menyeluruh

CADANGAN Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk mengekalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) perlu disusuli dengan pelaksanaan yang lebih teliti.

Tidak dinafikan program ini mempunyai matlamat dan objektif positif kepada pelatih, apatah lagi ia membabitkan remaja yang memang memerlukan bimbingan tambahan dalam usia sebegini.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), remaja adalah kumpulan individu dalam golongan berumur 10 hingga 19 tahun.

Peringkat ini adalah satu fasa perubahan hidup yang membabitkan perubahan fizikal dan mental yang berlaku antara zaman kanak-kanak ke zaman dewasa.

Perubahan dimaksudkan ialah perubahan menyeluruh iaitu transisi biologi, sosial dan psikologi. Justeru,

dalam keadaan kurang stabil ini, golongan itu memerlukan sokongan tambahan untuk mengatasi sebarang permasalahan dan kemusykilan, sama ada berkait langsung atau tidak dengan perubahan.

Antara konflik paling kerap pada zaman transisi ini adalah konflik identiti.

Memikirkan kepentingan mempunyai remaja beridentiti kukuh, PLKN ditubuhkan pada 2004 sebagai satu bentuk bantuan sokongan bersifat kolektif kepada golongan ini. Namun, kontroversi timbul sejak dari mula pelaksanaannya pada 2004 membuatkan sebilangan ibu bapa gusarkan keselamatan anak mereka ketika di kem.

Hal ini mungkin nampak remeh jika dibandingkan nisbah kemalangan dengan jumlah keseluruhan pelatih yang menghadiri program itu. Namun, ia membimbangkan ibu ba-

pa memandangkan nyawa dan kesihatan itu tiada gantinya.

Pelaksanaan lebih tersusun dan meletakkan keselamatan sebagai unsur paling penting dalam program ini mampu meyakinkan ibu bapa untuk 'menyerahkan' anak mereka sebagai pelatih selama tiga bulan dalam program itu.

Sesuatu yang 'nyata' dan 'meyakinkan' perlu dilaksanakan segera untuk mengembalikan keyakinan setengah ibu bapa terhadap program PLKN.

Penstrukturan semula beberapa aspek asas program ini perlu difikirkan supaya ia tidak dilihat hanya program ibarat 'melepas batok di tangga' kerajaan dalam usaha membentuk penampilan generasi muda.

Selain itu, kerap didengar rasa tidak puas hati mengenai sejauh mana program ini mencapai objektifnya.

Dengan meletakkan semangat patriotisme, perpaduan kaum, perwatakan positif, meningkatkan semangat sukarelawan dan melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas dan berkeyakinan tinggi, pasti tidak mudah untuk dicapai dalam tempoh singkat tiga bulan.

Justeru, untuk mencapainya secara keseluruhan tidak hanya bergantung kepada pengisian program yang dijalankan.

Perkara tidak formal tetapi penting perlu turut dijadikan ruang untuk pelatih dilatih. Misalnya, pergaulan antara berlainan jantina boleh berlaku tetapi jangan melampaui batas.

Walaupun hal ini nampak agak remeh kerana ia tidak berlaku ketika program dijalankan secara formal, ia memberi kesan besar terhadap keberkesanan keseluruhan program.

Namun, tidak dapat dinafikan mungkin agak sukar untuk perkara sebegini dikawal sepenuhnya, apatah lagi ia berkait rapat dengan personaliti dan cara hidup pelatih. Tetapi, usaha dan peraturan tertentu boleh dilaksanakan untuk tujuan pemantauan lebih menyeluruh.

Apa yang penting, program ini perlu memberi kalau tidak banyak, sedikit kesan berpanjangan kepada pelatih.

Jangan pula kerajaan melabur berjuta-juta ringgit tetapi tidak mendatangkan sebarang hasil.

Pastikan wang yang diperuntukkan untuk program itu bentuk 'pelaburan jangka masa panjang' dan bukan 'pembaziran.'

SITI SURIANI OTHMAN,
United Kingdom.